

Kerjaya bidang maritim perlu lebih mesra wanita

BH/09.05.23 / M/S 11
Oleh Prof Madya Dr Syuhaida Ismail
dan Dr Nur Zulaikha Yusof
bhrencana@bh.com.my

Terdapat 1.6 juta tenaga pelaksana industri maritim dipelopori negara membangun kerana kos buruh rendah bagi memenuhi aktiviti kapal kargo meliputi 55,000 kapal dagang di peringkat antarabangsa.

Jumlah itu turut menyaksikan peningkatan pekerjaan dalam kalangan wanita, tetapi industri maritim masih perlu melaksanakan transformasi bersepadu ke arah menjadikannya lebih mesra wanita.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) menjangkakan akan wujud peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 10 peratus secara purata sepanjang 10 tahun ini sekiranya wanita diberikan peluang menamatkan pendidikan menengah mereka.

Bagaimanapun, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) merekodkan hanya 1.2 peratus pekerja industri maritim dalam kalangan wanita di seluruh dunia dengan Malaysia mencatatkan 1 peratus daripada keseluruhan 7,226 pelaut tempatan berban-

ding Filipina sebanyak 29 peratus; Indonesia (5 peratus) dan Australia (3 peratus).

Selain terdapat pelbagai faktor penghalang, wujud stigma dan stereotaip industri maritim memabitkan aktiviti sukar, mencabar, dan merbahaya (3D) hanya sesuai untuk lelaki.

Namun, industri maritim memerlukan tenaga kerja teliti dalam membuat keputusan apabila memabitkan aktiviti memberi impak kepada keselamatan kapal dan anak kapal seperti cuaca buruk atau kerosakan mekanikal kapal.

Pendidikan maritim lambat diketengahkan

Ciri ini lebih menjurus kepada wanita seperti kajian Universiti Cape Town pada 2022 mendapati wanita membuat keputusan berisiko jauh lebih rendah. Walaupun fizikal dianggap lebih lemah, ketelitian dan keputusan berisiko lebih rendah menjadikan kedua-duanya saling melengkap.

Persekitaran kerja kurang mesra wanita juga antara faktor penghalang pembabitan wanita menurut WoMen+Sea pada 2022, manakala kajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 2018 mendapati wujud stigma hanya jenis kapal tertentu sesuai untuk wanita.

Kajian Institut Maritim Malaysia (MIMA) mendapati pendidikan maritim agak lambat diketengahkan


kepada pelajar, misalnya Akademi Laut Malaysia (ALAM) menawarkan pelbagai kursus maritim kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Ini terlewat berbanding pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang bermula seawal lima tahun di peringkat prasekolah dan pengenalan melalui program kokurikulum. Pada peringkat ini, pelajar perempuan sudah merangka laluan kerjaya, seterusnya memilih kursus pilihan di peringkat lebih tinggi seawal umur 16 tahun apabila memilih aliran menengah atas.

Justeru, IMO aktif mengadakan pelbagai inisiatif melalui penganjuran program integrasi wanita dalam sektor maritim bagi menangani masalah jurang jantina, termasuk melancarkan Hari Antarabangsa IMO untuk Wanita dalam Maritim pada 18 Mei setiap tahun bermula 2022.

Malaysia turut mewujudkan Women in Maritime Association (MyWIMA) pada 2017 menerusi inisiatif Jabatan Laut Malaysia dengan sokongan Kementerian Pengangkutan dan MIMA.

Bagaimanapun, pembabitan wanita dalam industri maritim tidak sewajarnya dijadikan retorik semata-mata atau menjadi topik program sahaja, sebaliknya memerlukan perancangan dan pelan tindakan sistematik dengan pembabitan semua pihak, terutama kerajaan.



Syuhaida adalah Pengarah

Penyelidikan Institut Maritim Malaysia (MIMA), manakala Nur Zulaikha adalah Penyelidik Kanan MIMA